



SIARAN MEDIA

JKM-MRM PERKENAL *SHOWCASE* PERTAMA PAMER PRODUK *UNIVERSAL DESIGN*

BANGI, 23 MAC – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menubuhkan *Universal Design Product Showcase @ JKM-MRM* yang merupakan satu *Smart Partnership* antara kedua-dua pihak dan ianya juga adalah yang pertama di Malaysia.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, penubuhan *Universal Design Product Showcase @ JKM-MRM* di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) ini adalah untuk menyebarkan konsep dan kepentingan penggunaan produk *Universal Design* (UD) di kalangan masyarakat Malaysia kerana "*Universal Design respects human diversity (since every individual is unique) and promotes the inclusion of all people in all activities of life*".

"Penubuhan *showcase* ini adalah amat selari dengan hasrat JKM untuk menjadikan PLPP sebagai Pusat Kecemerlangan OKU iaitu sebuah pusat yang dapat dijadikan sebagai pusat rujukan bagi semua berkaitan OKU seperti pendidikan, prostetik, ortotik, aksesibiliti dan sebagainya," katanya kepada pemberita ketika Majlis Perasmian *Universal Design Product Showcase @ JKM-MRM* di PLPP, Bangi hari ini.

"Produk bercirikan *universal design* ini sesuai untuk semua golongan masyarakat tanpa mengira peringkat umur, keupayaan dan sebagainya dan usaha menubuhkannya juga dilihat dapat menggalakkan pengeluaran produk untuk menghasilkan pelbagai pilihan produk, meningkatkan

jumlah pengeluaran serta memperluaskan penggunaan produk berkonsepkan *universal design* di kalangan masyarakat,” kata Rohani.

Pada masa yang sama, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Dr Ewon Ebin berkata “Seiring dengan visi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi pada 2020, kreativiti dan inovasi sewajarnya diberikan perhatian serius oleh semua pihak.”

Beliau juga menggalakkan penyertaan sektor perindustrian dalam penghasilan lebih banyak produk bercirikan *Universal Design* (UD) di pasaran tempatan, sekaligus mengurangkan kebergantungan negara terhadap produk-produk UD rekaan dan keluaran negara luar.

Tambah beliau, sokongan dari sektor swasta dan perindustrian adalah diharapkan untuk meraikan kreativiti sebagai pelaburan atau sebagai memenuhi tanggungjawab sosial kepada masyarakat.

Bagi memastikan Universal Design Product Showcase @ JKM – MRM, MRM akan memastikan aktiviti-aktiviti seperti demonstrasi penghasilan produk, seminar, pameran bertema dan lain-lain kerap diadakan bagi memberi manfaat kepada semua pihak termasuk sektor perindustrian dan pendidikan.

“Besarlah harapan saya, sekiranya kerjasama yang terjalin di antara JKM dan MRM ini dapat diperluaskan lagi melalui penyelidikan, perkongsian kepakaran dan pelaksanaan program-program yang bakal dilaksanakan di *showcase* agar ianya kelak dapat mencetuskan minat dan menggalakkan lebih banyak pihak termasuk pencipta-pencipta muda untuk mencipta produk-produk dan kemudahan dengan konsep yang sama,” tambah Rohani lagi.

####

Disediakan oleh	:	Jabatan Kebajikan Masyarakat Aras 6, 9-18, No. 55 Persiaran Perdana, Presint 4 62100 Putrajaya Majlis Rekabentuk Malaysia Aras 11& 12 (West Wing), Menara MATRADE Jalan Sultan Ahmad Shah off Jalan Tuanku Abdul Halim 50480 Kuala Lumpur
No.Telefon	:	JKM: 019-2333110 (Haneem) , 019-2164031 (Ain)

MRM: 019-369 5084 (Razita) , 019-351 1660 (Ismail)

Tarikh dikeluarkan : 23 Mac 2015